

Pengunjung menjalani ujian karakter pada sesi kaunseling menentukan kerjaya yang bersesuaian.



Norhaswani

idmatan ditawarkan untuk usahawan baharu.

"Pameran serta perkhidmatan kaunseling untuk pencari kerja yang dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti jualan dan ceramah ikon usahawan menimbulkan suasana selesa kepada pengunjung yang rata-ratanya belia kerana dilaksana secara santai, tidak terlalu serius," katanya.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Universiti Yamakata; Muhammad Asrul Afendi Aminuddin, 27, berkata penganjuran karnival berciri pusat sehati itu serupa karnival kerjaya pernah dihadiri di Jepun.

Beliau yang hadir berpakaian formal dan lengkap bertali leher, turut membawa segala dokumen berkaitan kerana ingin memastikan dirinya bersedia menghadiri sesi temu duga secara terus jika dikehendaki syarikat yang menyertai karnival itu.

"Karnival kerjaya seumpama ini wajar dimanfaatkan sebaiknya kerana menemukan pencari kerja dengan wakil pelbagai syarikat di bawah satu bumbung," katanya.

► Petaling Jaya

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang berlangsung di sini, baru-baru ini menawarkan sebanyak 5,000 peluang pekerjaan, 600 peluang keusahawanan dan 300 peluang meningkatkan kemahiran kepada kira-kira 20,000 pengunjung.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) selaku tuan rumah K3G tahun ini menetapkan tema 'Memupuk Bakat Keusahawanan' sejajar aspirasi kerajaan untuk melahirkan graduan yang lebih dinamik iaitu tidak mengharapkan kecemerlangan akademik semata-mata malah ber-

Karnival K3G dekatkan graduan, majikan

bakat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Pelbagai pengisian diadakan bagi memenuhi objektif penganjuran program tahunan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi itu termasuk forum kerjaya, sesi perkongsian kejayaan tokoh serta ikon usahawan, klinik resume, pameran kerjaya, keusahawanan dan kemahiran oleh 200 syarikat dan organisasi.

Khidmat kaunseling,

perundingan kerjaya, keusahawanan serta peningkatan kemahiran khususnya bagi pelajar tahun akhir dan graduan yang masih mencari pekerjaan turut diadakan.

Pencari kerja

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Norhaswani Mohd Hainuddin, 23, berkata asalnya, kunjungan beliau ke karnival

itu semata-mata untuk mencari pekerjaan dalam bidang sesuai dengan kelayakan kerana akan tamat perkhidmatan sebagai guru sambil di sebuah sekolah swasta bulan ini.

Bagaimanapun, katanya, kunjungan ke ruang pameran Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menimbulkan rasa ingin mencuba bidang keusahawanan setelah mengetahui pelbagai bentuk sokongan dan perkh-